EVOLUSI DEKAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

ڤرڤوستاکاءن چندکياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JUN

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

PROGRAM WATERTALK SERIES

MENGENALI KEHIDUPAN MARIN, PEMULIHARAAN LAUT & AKTIVITI SELAM SKUBA

11 Jun 2026

Oleh : Ahmad Fathi Azhari



En. Azman Kamaluddin, Pengasas / Pengarah Urusan Scuba Network Adventure, menyampaikan maklumat berkenaan kelebihan struktur laut yang terdapat di Pulau Tenggol

DUNGUN, 11 Jun 2026 – Kelab Aquadiving UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dengan kerjasama Perpustakaan Cendekiawan dan Scuba Network Tenggol Adventure telah berjaya menganjurkan Program Watertalk Series: Mengenali Kehidupan Marin, Pemuliharaan Laut & Aktiviti Selam Skuba. Program yang penuh dengan maklumat dan kesedaran alam sekitar ini telah berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE).

Sesi perkongsian yang interaktif ini telah disampaikan secara eksklusif oleh Encik Azman Kamaluddin, Pengasas merangkap Pengarah Urusan Scuba Network Adventure. Dalam slot berkenaan, beliau memfokuskan perkongsian kepada keunikan dan keindahan ekosistem marin, khususnya yang terdapat di sekitar Pulau Tenggol. Selain itu, para peserta turut didedahkan dengan pengetahuan mendalam mengenai kepelbagaian hidupan laut, kepentingan pemuliharaan sumber marin, serta pengalaman berharga dalam aktiviti selam skuba yang telah menaikkan nama Pulau Tenggol sebagai antara destinasi selam paling terkenal di Negeri Terengganu.

Penganjuran edisi kali ini dilihat berjaya meningkatkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan peserta tentang tanggungjawab bersama untuk memelihara alam sekitar marin. Di samping itu, program ini juga menjadi platform terbaik dalam memupuk minat generasi muda terhadap aktiviti rekreasi berasaskan laut yang sihat dan bermanfaat.

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI